



JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

---

**SURAT PEKELILING  
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN  
BIL. 3 TAHUN 2004**

---

PEKERJAAN LUAR

**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN  
MALAYSIA**

Dikelilingkan Kepada:

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

Semua Pengarah Ukur Topografi

Semua Pengarah Ukur Seksyen

Salinan Kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan

Pengarah Ukur Bahagian Kadaster



**KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**

**(Director General of Survey and Mapping Malaysia)**

TINGKAT 1, BANGUNAN UKUR  
JALAN SEMARAK  
50578 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA



Jabatan Ukur dan Pemetaan  
Malaysia

Telefon : 03-2692 5932

: 03-2617 0800

Fax : 03-2691 7457

E-Mail : hamidali@jupem.gov.my  
dg@po.jaring.my

Rujukan Kami : KTPK18/7/2.146 ( 10 )

Tarikh : 5 April 2004

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

Semua Pengarah Ukur Topografi

Semua Pengarah Ukur Seksyen

**SURAT PEKELILING  
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN  
BIL. 3 TAHUN 2004**

**PEKERJAAN LUAR**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa pihak Ibu Pejabat ada menerima aduan mengenai penglibatan segelintir kakitangan Jabatan dalam menjalankan pekerjaan luar, khususnya yang membabitkan aktiviti kerja ukur di lapangan serta kerja-kerja teknikal yang berkaitan di pejabat.

2. Kegiatan menjalankan pekerjaan luar berkenaan merupakan perbuatan yang tidak bertanggungjawab serta bersalahan dengan peraturan sedia ada. Kesalahan menjadi lebih serius lagi apabila kakitangan menyalahgunakan alat Jabatan bagi menjalankan kerja-kerja yang bukan merupakan kerja-kerja rasmi Jabatan. Contohnya, penggunaan kemudahan capaian maklumat yang terdapat pada pangkalan data dan peralatan serta perkakasan komputer bagi memproses, juga menjana sebarang dokumen untuk pihak lain. Begitu juga dengan penggunaan alat *Total Station* yang dibekalkan kepada pegawai kerjaluar Jabatan, untuk menawan data di lapangan bagi pihak luar Jabatan.

3. Penglibatan kakitangan dengan pekerjaan luar yang disebutkan boleh menimbulkan konflik kepentingan diri, mengganggu pengendalian tugas, dan juga boleh menjejaskan prestasi kerja individu. Di samping itu, perkara lain yang tidak kurang pentingnya adalah mengenai kesannya yang negatif kepada perhubungan antara kakitangan di Jabatan, di mana tercetusnya perasaan dengki dan irihati boleh menimbulkan persekitaran kerja yang tidak sihat.

4. Justeru itu, bagi membendung perkara yang dibangkitkan diatas, tuan-tuan adalah dengan ini diingatkan tentang peraturan mengenai larangan seseorang pegawai menjalankan pekerjaan luar, iaitu Peraturan 5(1), Bahagian II, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pindaan) 2002; ekstrak atau pun cabutannya seperti berikut:

*Pekerjaan Luar.* 5. (1) *Melainkan jika dan setakat yang dia dikehendaki atau dibenarkan untuk berbuat demikian dalam perjalanan tugasnya sebagai seorang pegawai perkhidmatan awam, seseorang pegawai tidak boleh –*

- (a) mengambil bahagian, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam pengurusan atau urusan apa-apa perusahaan komersial, pertanian atau perindustrian;*
- (b) mengusahakan bagi mendapatkan upah apa-apa kerja dengan mana-mana institusi, syarikat, firma atau individu persendirian;*
- (c) sebagai seorang pakar, memberikan apa-apa laporan atau memberikan apa-apa keterangan, sama ada secara percuma atau dengan dibayar upah; atau*
- (d) bertugas sebagai seorang wasi, pentadbir atau penerima.*

5. Sehubungan dengan perkara di atas, semua Pengarah Ukur adalah dengan ini dikehendaki membuat pemantauan terhadap kakitangan di bawah seliaan mereka untuk memastikan isu yang dibangkitkan serta yang berkaitan dengannya tidak berlaku di Jabatan atau Seksyen masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“CINTAILAH BAHASA KITA”**



**(DATO' HAMID BIN ALI)**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Malaysia

s.k.: Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan  
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster